

→ ISU

Prasarana ambil alih operasi feri Pulau Pinang

→ Pengambilalihan secara rasmi daripada PPSB hujung bulan ini

Oleh Siti Fatimah
Mohamed Anwar
ctfa@bh.com.my

✦ Bukit Mertajam

Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) akan mengambil alih perkhidmatan feri Pulau Pinang secara rasmi selewat-lawatnya hujung bulan depan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz, berkata pengambilalihan berkenaan mengambil sedikit masa kerana membabitkan peralihan kuasa daripada pengendali sedia ada iaitu Penang Port Sdn Bhd (PPSB) kepada pihaknya.

"Kita belum mengambil alih secara rasmi feri Pulau Pinang, saya

jangka ia mungkin dapat dilakukan hujung bulan ini atau bulan hadapan. Kita juga akan mengadakan majlis prapelancaran sebagai tanda permulaan pengambilalihan perkhidmatan ini.

"Sejurus pengambilalihan ini, perkhidmatan feri Pulau Pinang akan dikendalikan anak syarikat Prasarana iaitu Rapid Ferry Sdn Bhd," katanya pada sidang media selepas Majlis Konvokesyen Ke-17 Politeknik Seberang Perai di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Azmi berkata pada masa ini pihaknya juga sudah mula melaksanakan penambahbaikan secara berperingkat bagi memberi keselesaan kepada pengguna dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan ikon pengangkutan Pulau Pinang berkenaan.



[FOTO AMIR IRSYAD OMAR/BH]

Azmi (tengah) bersama sebahagian 1,447 graduan selepas Majlis Konvokesyen Ke-17 Politeknik Seberang Perai di Bukit Mertajam, semalam.



Feri Pulau Pinang

- **Menghubungkan** Butterworth dan Pelabuhan Quay di Georgetown.
- **Perjalanan** mengambil masa 15 hingga 20 minit.
- **Menyeberangi** selat 3.2 kilometer.
- **Bermula** sejak 1894 oleh seorang pengusaha persendirian, Quah Beng Kee.
- **Perkhidmatan** mengangkut kenderaan berat bermula pada Disember 1924.
- **Operasi** antara jam 5.20 pagi hingga 12.40 tengah malam.

"Antara perkara yang kita akan perhalusi termasuk penambahbaikan terhadap kapal, mengurangkan pergerakan laluan pejalan kaki selain mewujudkan persekitaran selesa dan mesra pengguna untuk menarik lebih ramai orang menggunakan perkhidmatan ini.

"Ketika ini terdapat lima feri yang masih boleh beroperasi dalam keadaan baik dan kita merancang meningkatkan kekerapan perkhidmatan bagi menarik lebih ramai pemilik kenderaan menggunakan pengangkutan ini," katanya.

Fasiliti mesra pengguna

Dalam pada itu, mengulas mengenai projek hab pengangkutan bersepadu Penang Sentral yang dibangunkan di tapak terminal feri

Butterworth, Azmi berkata, pihaknya sentiasa mengadakan perbincangan dengan pemaju, Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) untuk membangunkan fasiliti yang mesra pengguna.

"Objektif kita apabila Penang Sentral siap kelak, ia akan menggalakkan pelancong domestik terutama mereka yang menggunakan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (KTM) dari Kuala Lumpur turun di Butterworth.

"Mereka kemudian boleh terus menaiki feri ke Georgetown seterusnya menggunakan bas Rapid Penang untuk ke destinasi yang dituju. Justeru, untuk memastikan objektif ini berjaya kita perlu wujudkan laluan yang lancar kepada pengguna," katanya.